

Headline	Kisah perjuangan Datu Mat Salleh tarikan utama		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	29 Oct 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N6,7	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,083
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,249



Kisah perjuangan Datu Mat Salleh tarikan utama

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Kisah perjuangan tokoh kemerdekaan kelahiran Sabah, Mat Salleh atau nama sebenarnya Datu Mat Salleh, pada era penjajahan Inggeris yang menggabungkan unsur fiksi dan sejarah menjadi tarikan utama novel, *Tibabar*, karya Roziyah Adama.

Novel yang dilancarkan oleh Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Prof Dr Mohamad Hatta Azad Khan adalah karya Pensyarah Sambilan di Fakulti Penulisan Kreatif, ASWARA yang banyak menulis karya kreatif, skrip rancangan televisyen dan dokumentari.

Roziyah berkata, penceritaan berlatarbelakangkan dua zaman, iaitu zaman Mat Salleh berjuang menentang penjajah dan kisah penyelidik dokumentari pada zaman moden yang mengupas susur galur dan perjuangan tokoh itu diketengahkan bagi memberi kelainan dalam novel sejarah itu.

"Novel ini membentangkan tema perjuangan dan percintaan, namun dalam ranah lebih lebar dan indah, ia memaparkan kecintaan sesama manusia serta tanah kelahiran yang saling bertaut dalam hidup manusia.

"Keistimewaan novel ini kerana ia menyerlahkan budaya dan dialek etnik Suluk, Sabah yang diwakili oleh watak Mat Salleh yang berbangsa Suluk dan watak Nenek Lingkat yang banyak membantu pengkaji doku-

Novel remaja

Beliau yang pernah menghasilkan novel remaja, *Wajahku Wajah Siapa berkata*, *Tibabar* diambil daripada nama kubu terakhir yang diduduki, Mat Salleh pada 1900 di Kampung Tibabar, Tambunan, Sabah.

"Novel ini mula ditulis pada 2010 dan mengambil masa lebih lima bulan untuk disiapkan termasuk proses pencarian maklumat dan penyelidikan. Saya melakukan kajian terperinci mengenai tokoh Panglima Mat Salleh dengan melawat Muzium Negeri Sabah, Arkib Negeri Sabah.

"Saya juga melawat Memorial Panglima Mat Salleh di Kampung Tibabar, Tambunan, manakala

rujukan lain termasuk menerusi pembacaan buku sejarah, akhbar *The British North Borneo* dan kertas kerja yang mengupas secara terperinci mengenai tokoh berkenaan," jelasnya.

Roziyah berharap novel berharga RM20 senaskhah itu akan mendapat sambutan kerana ia kaya dengan nilai positif, penghayatan semangat patriotisme dan perjuangan wanita dalam nuansa berbeza.

Buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu berpotensi menarik minat generasi muda yang tidak gemar membaca novel sejarah serius kerana ia turut diselitkan dengan unsur fiksi, budaya dan sentuhan cinta.

